



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

Isnin, November 21, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

CARI

| A- | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

UPM LANCAR 9 TEKNOLOGI PADI DI BESUT HASIL SKIM LRGS

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh
Foto oleh Noor Azreen Awang



SERDANG, 31 Okt - Universiti Putra Malaysia (UPM) mempamerkan sembilan inovasi hasil penemuan penyelidikan untuk digunakan oleh komuniti petani hasil daripada Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang/Long Term Research Grant Scheme (LRGS) bagi bidang keutamaan Sekuriti Makanan (*Food Security*).

Geran LRGS yang diberi oleh Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sejak tahun 2011 bernilai RM10 juta kepada UPM dalam aspek Jaminan Makanan Padi Negara membolehkan hasil penyelidikan dan teknologi UPM menyumbang untuk komuniti petani dan pemegang taruh (*stakeholders*) untuk menjamir kecukupan industri padi dan beras negara.

Ketua Program LRGS jaminan makanan-tanaman padi UPM, Prof. Dr. Mohd Razi Ismail berkata geran itu meningkatkan pembinaan kapasiti sumber manusia dengan mewujudkan peluang pengajian Master dan PhD, menghasilkan kertas kerja ilmiah penerbitan jurnal terkemuka dunia dalam sains tanaman padi dan penghasilan produk yang boleh meningkatkan hasil dan pendapatan pesawah.

"Program ini telah berjaya melatih lima pelajar siswazah yang kini sedang berkhidmat sebagai pensyarah di pusat pengajian tinggi awam di samping tiga pelajar siswazah dari dalam negara dan 16 luar negara yang telah menamatkan pengajian PhD dalam bidang sains tanaman padi.

"Secara keseluruhannya Prof Razi berkata program itu telah memberi manfaat kepada 96 orang pelajar siswazah yang sedang dan telah menjalankan penyelidikan mereka dalam sains tanaman padi dan juga berkaitan dengan kajian sosioekonomi bagi eko-sistem tanaman padi," katanya.



Beliau berkata demikian selepas majlis Pelancaran Teknologi Padi Universiti Putra Malaysia@Besut 2016 yang dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Ser Idris Jusoh pada 30 Oktober lalu di Masjid Kampung Lubuk Kawah, Jerteh, Besut, Terengganu.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UPM, Prof. Dato' Dr. Mohd Azmi Mohd Lila dan Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Badrul Hisham Mohd.

Prof Razi berkata sehingga kini program penyelidikan ini telah menghasilkan lebih dari 150 penulisan ilmiah yang diterbitkan dalam jurnal bersiti dan hampir 30% penerbitan adalah dalam jurnal terkemuka dalam *Quartile* 1 dan 2.

"Bagi penghasilan *Intellectual Property*, program ini berjaya menghasilkan lima paten dan beberapa paten dan produk untuk pengkomersilan dijangka dapat dihasilkan dalam tempoh yang terdekat.

"Untuk merapatkan jurang penemuan hasil penyelidikan di antara makmal dan pesawah di lapangan, satu pendekatan yang dikenali sebagai *Farmers Participatory Research* atau Penyelidikan Penyertaan Petani digunakan bagi memastikan teknologi tersebut dapat dimanfaatkan oleh petani dengan berkesan," katanya.

Menurut Prof Razi dengan memastikan pesawah sebagai *entry point*, penyelidikan tidak hanya tertumpu di rumah tanaman atau di tapak penyelidikan terkawal.

"Program ini telah melibatkan lebih dari 30 orang petani dengan keluasan petak penyelidikan 229 ekar di jelapang utama negara dengan kerjasama agensi pembangunan padi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi melihat keberkesanan teknologi memberi manfaat kepada petani secara langsung.

"Teknologi yang diperolehi dibuat perbandingan dengan amalan kebiasaan pesawah dan memperincikan ekonomi ladang bagi memastikan teknologi memberi pulangan

yang maksimum kepada petani. Program ini juga memberi tumpuan kepada pembaikan tanaman melalui penyelidikan ke arah penghasilan varieti padi," katanya.



Prof Razi menerangkan di Malaysia, kadar penghasilan varieti padi baru adalah rendah dan langkah mewujudkan konsortium bagi penghasilan varieti padi baru membolehkan penyelidik pembiakan tanaman padi dapat menghasilkan varieti padi baru pada kadar yang tinggi bagi membolehkan petani dapat membuat pilihan dan tidak bergantung kepada varieti lama.

"Bagi program ini, sehingga kini telah menghasilkan dua varieti baru yang berpotensi untuk dikemukakan kepada petani iaitu varieti padi tahan penyakit karah dan keberhasilan tinggi dan juga varieti yang rintang submergen dalam beberapa tempoh yang tertentu .

"Penyelidikan bagi penghasilan varieti padi akan seterusnya dijalankan oleh penyelidik di Institut Pertanian Tropika UPM dan Fakulti Pertanian UPM bagi mendapatkan varieti padi yang boleh mengadaptasikan kepada perubahan iklim.

"Program penyelidikan bagi LRGS akan tamat pada tahun ini dan penyelidik di UPM akan mendapatkan dana penyelidikan melalui inisiatif yang ada di dalam negara dan luar negara bagi tujuan penyelidikan padi," katanya.

Menurut Prof Razi lagi beberapa langkah ke hadapan untuk memastikan jaminan makanan negara khususnya bagi padi dan beras dapat ditingkatkan lagi telah digariskan dengan pembentukan *roadmap* penyelidikan padi bagi membolehkan penyelidikan dan pembangunan padi negara lebih terarah dan mencapai sasaran kerajaan.

